

## MAKLUM BALAS ISU KAWASAN BERDEBU MELIBATKAN PROJEK ECRL DI BATU 10, GOMBAK

Merujuk kepada laporan media dan aduan awam baru-baru ini berkaitan keadaan kawasan berdebu di Batu 10, Gombak, pihak Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), selaku pemilik Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), ingin memberi penjelasan serta maklum balas berhubung situasi tersebut.

Kawasan Batu 10 merupakan laluan utama bagi kenderaan berat yang terlibat dalam kerja-kerja pembinaan Projek ECRL di kawasan Gombak. Kami prihatin terhadap laporan aduan yang diterima daripada penduduk sekitar akibat habuk dan kekotoran yang berpunca daripada pergerakan kenderaan berat.

Sebagai langkah mitigasi, pihak kontraktor telah menambah kekerapan penggunaan trak tangki air (*water bowser*) sehingga tiga (3) kali sehari untuk membersihkan laluan berdebu, bergantung kepada keadaan cuaca dan tahap kekotoran jalan. Selain itu, pihak kontraktor juga akan terus memastikan penggunaan laluan pencuci tayar (*wash-through*) di pintu keluar masuk tapak pembinaan untuk mengurangkan sisa tanah dan habuk daripada kenderaan berat ke jalan awam.

Pihak MRL sedang meneliti langkah-langkah tambahan bagi mempertingkatkan kawalan habuk di kawasan terbabit dan komited untuk memastikan kebajikan penduduk terus diberi keutamaan sepanjang pelaksanaan projek ini. Pihak MRL juga akan mempertimbangkan cadangan penduduk agar pergerakan kenderaan berat di hadkan pada waktu siang terutamanya waktu puncak bagi mengurangkan masalah debu yang berisiko yang mengancam kesihatan penduduk.

Sebagai sebahagian daripada pendekatan penyelesaian, pihak MRL akan mengadakan pertemuan secara langsung dengan para pengadu bagi mendapatkan maklum balas lebih lanjut dalam masa terdekat serta menjelaskan tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil.

Pendekatan ini diambil sebagai tanda komitmen kami dalam menangani aduan secara telus dan bersemuka termasuk mengadakan sesi libat urus bersama para penduduk setempat dalam masa terdekat.

MRL komited untuk memastikan semua aktiviti pembinaan mematuhi piawaian alam sekitar termasuk Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Pelan Kawalan Hakis dan Endapan (ESCP) serta tidak menjejaskan kesejahteraan komuniti setempat. Kami menghargai maklum balas daripada penduduk dan akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan komuniti dalam menambah baik pelaksanaan projek demi manfaat bersama.

-Tamat-